

## **BAB 5: KESIMPULAN**

### **5.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, penyelidik akan membuat kesimpulan berdasarkan analisis yang dihasilkan dalam Bab Empat serta memberi cadangan yang baru untuk kajian lebih mendalam yang berkaitan dengan topik penyelidikan ini.

Tema yang didapati dalam cerpen yang dikaji adalah pelbagai jenis iaitu melakukan kritikan terhadap kerajaan, contohnya cerpen “Kematian Yap Ah Loy”, “Hentian Siaran”, “Selekoh”, “Perjalanan Yang Terakhir”, “Patah Tangan” dan “Kuliah”. Kritikan dibuat untuk membayangkan masalah yang dihadapi di dalam negara semakin serius. Selain itu, terdapat cerpen yang menerangkan cerita kisah benar mengenai beberapa orang mangsa dalam kes rugut. Contohnya: “Lambat”, “Kehilangan”, “Selekah”, dan “Perjalanan Yang Terakhir”.

Di samping itu, terdapat penulis yang cenderung untuk memujikan kemuliaan cinta sama ada kemuliaan cinta guru terhadap anak murid dan juga kemuliaan cinta ibu bapa terhadap anak mereka. Cerpen-cerpen yang menekan kepada kemuliaan cinta dan kasih sayang adalah seperti “Baby’s Breath Yang Abadi”, “Kehilangan”, “Latar Belakang Yang Misteri”, “Kelembutan Count Down”, “Kesan Cap”, “Mimpi Ibu”, “Pencarian” dan “Musim luruh yang berada


dalam musim bunga". Penulis wanita lebih cenderung menulis cerpen bertema cinta dan kasih sayang berbanding penulis lelaki.

## **5.2 METAFORA DALAM KELAS KATA NAMA**

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan ini, penyelidik berjaya mengumpulkan data-data yang cukup untuk membuktikan bahawa metafora paling banyak muncul dalam kelas kata nama. Dalam kajian ini, terdapat hampir 60% metafora dalam 23 buah cerpen yang dikaji adalah berdasarkan kelas kata nama iaitu sebanyak 99 metafora kelas kata nama. Ini bermakna metafora kelas kata nama merupakan kelas kata yang paling sesuai digunakan untuk menyampaikan makna metafora dalam bahasa Cina iaitu sebanyak 59.39%.

Penyelidikan ini telah membuktikan pendapat Ricoeur (1978:3) yang menyatakan perkataan sebagai unit untuk rujukan. Dengan hanya membaca unit leksikal sahaja boleh mengesan bahawa perkataan itu merupakan metafora. Metafora dikatakan sebagai satu perkataan tunggal yang membawa makna figuratif. Contohnya "harimau kertas" merujuk kepada orang yang berpura-pura kuat tetapi tidak berupaya melakukan apa-apa, "Golongan strawberi" merujuk kepada golongan remaja yang dilahirkan selepas 1980-an. Mereka telah dimanja-manjakan sehingga tidak berupaya memikul tanggungjawab berat.

Kebanyakan metafora dalam kelas kata nama adalah berkaitan dengan benda-benda yang wujud dipersekutaran kita. Contohnya metafora “Yap Ah Loy” merupakan tokoh yang sangat terkenal di kalangan orang Cina. Nama ini digunakan untuk menyampaikan makna metafora bagi tokoh-tokoh masyarakat Cina yang berjasa. Selain itu, kata nama yang digunakan dalam metafora adalah benda tidak hidup seperti “batu besar” untuk mewakili konflik yang dihadapi dalam kehidupan. Carta 5.1 menunjukkan pengelasan metafora kata nama.



**Carta Organisasi 5.1: Pengelasan Metafora dalam Kelas Kata Nama**

### **5.3 METAFORA DALAM KELAS KATA SIFAT**

Metafora dalam kelas kata sifat lebih cenderung kepada menyatakan aspek positif dan juga negatif sesuatu perkara. Jarang ada metafora kelas kata sifat menunjukkan aspek neutral bagi sesuatu perkara. Metafora yang terdapat dalam kelas kata sifat ini sebanyak 24% daripada jumlah metafora dalam cerpen yang dikaji.

Contohnya, seperti “Baby’s Breath Yang Abadi”. Abadi di sini adalah kata sifat untuk menerangkan kekal dan sehingga masa ajal. Metafora ini menunjukkan percintaan ibu terhadap anak adalah kekal abadi.

Manakala terdapat metafora dalam kelas kata sifat menerangkan aspek keburukan sesuatu benda, contohnya: seperti tepi pantai yang terhakis. Terhakis menggambarkan tepi pantai yang dihancur oleh ombak dan gambarannya adalah tercacat. Metafora di sini menerangkan emosi seseorang sangat teruk. Dapatkan kajian ini telah mengesahkan teori yang dikemukakan oleh Rose (1958:238-239) di mana beliau menyatakan terdapat kelas kata yang kurang kekuatan serta kelas kata yang lebih kuat untuk menyampaikan makna. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh penyelidik didapati kelas kata nama dan kelas kata sifat merupakan kelas kata yang kuat dan kelas kata lain seperti kelas kata kerja dan kelas kata komplemen merupakan kelas kata yang kurang kekuatan untuk membentuk metafora.

Rose (1958:238-239) menyatakan bahawa kelas kata sifat merupakan kelas kata yang kurang stabil. Pandangan ini dibuktikan lagi di mana metafora kata sifat boleh diaplikasikan untuk menjana kesan positif, negatif dan juga neutral.

#### **5.4 METAFORA MENJANA KESAN KESEDIHAN, KEEJEKAN, KEJENAKAAN**

Metafora yang digunakan untuk menjana kesan kesedihan, keejekan dan kejenakaan adalah berkait rapat dengan tema yang ingin disampaikan.

Didapati cerpen yang menyentuh tema seperti cinta dan kasih sayang dan kes ragut lebih cenderung untuk menggunakan metafora yang menjana kesan kesedihan, contohnya “Baby’s Breath Yang Abadi”, “Kehilangan”, “Kelembutan Count Down”, “Kesan Cap”, “Mimpi Ibu”, “Pencarian”, “Selekoh”, “Musim luruh yang berada dalam musim bunga”, “Ferris Wheel Yang Sedih” dan “Perjalanan Yang Terakhir”.

Penulis cerpen yang mengkritik kerajaan dan mengejek sikap dingin masyarakat lebih cenderung menggunakan metafora yang boleh menjana idea keejakan. Contohnya: Yap Ah Loy minum Capuccino bersama remaja di

Starbucks. Terdapat 7 dari 23 cerpen yang dikaji dikategorikan bermetafora yang boleh menjana keejekan.

Bagi metafora yang menjana kejenakaan selalunya berkaitan dengan isu yang lucu yang muncul di negara kita, contohnya “mencari orang gila”, orang yang ingin cari orang gila sebenarnya dialah orang gila yang dicari. “Warna Anjing”, “Pak Long”, dan “Henti Siaran”. Metafora yang menjana kesan kejenakaan lebih sesuai digunakan untuk cerpen yang bertema isu seperti kritikan terhadap kecuaian kerajaan, ketidakupayaan pihak kerajaan dan sikap masyarakat.

Terdapat juga cerpen yang tidak menggunakan ton yang menyedihkan, mengejek atau menjana kejenakaan. Terdapat 2 cerpen yang mempunyai ton yang neutral sahaja iaitu “Lif” dan “Latar Belakang Yang Misteri”. Metafora berjaya memainkan peranan yang sepadan dalam cerpen melalui persembahan makna tersifat. Ini dapat menambahkan keseronokan pembaca semasa membaca cerpen dan meningkatkan minat orang ramai membaca genre ini.

## 5.5 CADANGAN KAJIAN YANG SETERUSNYA

Penyelidikan ini adalah kajian terhadap metafora dalam kata nama dan kata sifat dalam cerpen-cerpen. Didapati kebanyakn metafora dalam kelas kata

kerja juga. Maka, untuk kajian yang seterusnya, penyelidik bercadang supaya satu kajian metafora terhadap kelas kata kerja dilakukan.

Penyelidikan ini mengkaji terhadap salah satu buku cerpen yang dihasilkan oleh Universiti Nanyang pada tahun 2006. Pada pendapat penyelidik, satu kajian lain yang mengfokus kepada tema terhadap series buku cerpen yang telah dihasilkan oleh Alumni ini boleh dikaji juga. Terdapat banyak cerpen yang mempunyai tema yang sama serta teknik penulisan juga lebih kurang sama. Faktor yang mempengaruhi pola perkembangan ini boleh dikaji dalam penyelidikan yang seterusnya. Penyelidik mendapati cerpen yang mendapat johan, naib johan dan kedudukan ketiga selalunya cerpen yang bertema besar seperti menyentuh tentang masalah yang dihadapi oleh kaum orang Cina dan konflik atau sikap tidak baik yang perlu diperbaiki oleh masyarakat tersebut.

Penyelidik mencadangkan juga supaya perbandingan cerpen antara cerpen bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan juga bahasa Malaysia boleh dijalankan. Terdapat banyak maklumat mengenai perkembangan cerpen di Malaysia bagi ketiga-tiga bahasa tersebut. Golongan bangsa dan persatuan-persatuan yang mempertahankan kelebihan bahasa dan bangsa masing-masing memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan penulisan cerpen di negara kita. Contohnya, bagi masyarakat Cina, alumni Universiti Nanyang memainkan peranan penting untuk mendorong penulisan cerpen, bagi masyarakat India, Persatuan mahasiswa-mahasiswi di Universiti Malaya memikul

tanggungjawab untuk mengadakan peraduan penulisan cerpen. Di kalangan bahasa Malaysia, bukan sahaja kerajaan malah juga pihak swasta seperti Public Bank menajakan hadiah dalam pertandingan penulisan cerpen bahasa Malaysia.

Karya sastera merupakan satu cermin yang menggambarkan kenyataan dalam masyarakat, maka adalah penting untuk menggalakkan penulisan karya sastera di negara kita. Untuk menggalakkan perkembangan karya sastera, kajian terhadap karya sastera perlu diperbanyakkan supaya boleh memberi sumbangan dan faedah kepada mereka yang ingin menyertai dalam penulisan karya sastera. Penyelidikan boleh mendedahkan pembaca kepada cara penggunaan teknik penulisan sastera. Analisis yang dilakukan boleh membantu pembaca untuk mendapat idea baru dalam penghasilan karya sastera.

Kesimpulannya, penyelidik setuju dengan cadangan mewujudkan banyak penyelidikan yang berkaitan dengan teks dan karya sastera. Makna yang terpendam dalam kata-kata dan juga ayat dapat diterangkan melalui analisis yang sistematik.

## **5.6 KESIMPULAN**

Penyelidikan ini mengkaji metafora dalam kelas kata nama dan juga kelas kata sifat. Di samping itu, penyelidik juga mengambil kira jenis metafora yang wujud dalam cerpen yang dikaji.

Didapati, cerpen yang dikaji itu adalah tersusun dengan sistematik di mana tema yang disampaikan adalah bersesuaian dengan ton yang digunakan dalam cerpen. Metafora yang digunakan adalah tepat pada maknanya dan berjaya menghantarkan sesuatu maksud khusus kepada pembaca.

Didapati agak banyak cerpen yang menceritakan kes ragut. Ini telah membayangkan masalah yang dihadapai oleh masyarakat. Ini dapat mengesahkan pandangan Yang (2006: iii) yang menyatakan karya kesusteraan boleh mencatatkan kenyataan masyarakat yang sebanar. Genre cerpen boleh membayangkan keadaan sebenar dalam negara kita.